



MEMENTO ***GIFT***

GOLDEN INDUSTRIAL FESTVET

2019





POLITEKNIK MALAYSIA
1969 - 2019

Menjunjung Kasih Tuanku

Warga Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menjunjung kasih atas perkenan
Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail,
Raja Muda Perlis

dan

Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil,
Raja Puan Muda Perlis

mencemar duli menjayakan Golden Industrial Festvet 2019
serta restu menerbitkan rakaman peristiwanya dalam buku ini.



memento GIFT: Golden Industrial Fesvet 2019 mempersembahkan arca peristiwa dalam program Golden Industrial Fesvet 2019 kelolaan bersama Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Jabatan Penerangan Malaysia pada Sabtu, 6 April 2019 di kampus PSA dan di sekitar Bandaraya Shah Alam.

GIFT dirasmikan oleh Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Berangkat sama ialah Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Warga PSA diketuai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Dato' Kamel Mohamad dan Timbalan Ketua Pengarah JPPKK,

Dr. Mohammad Naim Yaakub.

Penyunting


Dr. Haji Mohd Zahari Ismail
Zalina Ismail
Dr. Norhayati Ibrahim
Jasni Mohd Noor
Ainoor Mahfuzah Ahmad
Abdul Sharif Abd Kadir
Noor Hayati Mat Taib
Rabiatul Adawiyah Abdullah Zawawi
Nur 'Shakirah Saleheh

© Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 2019

Tidak boleh dikeluarkan ulang tanpa izin bertulis daripada Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Penerbit

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Telefon: +60351634000
Telefaks: +60355691903
Emel: webmaster@psa.edu.my
Laman web: www.psa.edu.my





Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail

Titah Diraja

“Saya rasa amat berbangga kerana pada hari ini, sempena GIFT 2019, kita dapat melihat gabungan erat staf dan siswa politeknik, penggerak industri, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan serta penduduk setempat dalam usaha proaktif PSA untuk memasyarakatkan TVET.

Usaha dan semangat ini haruslah diteruskan oleh Politeknik Malaysia dan Kolej Komuniti Malaysia amnya agar TVET dapat diperkasa bagi memenuhi keperluan industri serta memacu pembangunan negara. Usaha dan semangat ini juga wajar dipertubikan bagi menjana lebih ramai pelajar yang holistik, berdaya saing serta berdaya keusahawanan.

Muafakat strategik antara Politeknik Malaysia bersama penggerak industri dan anggota komuniti setempat adalah inisiatif penting dalam usaha kita membangunkan bakat pelajar, menyokong aktiviti pembelajaran, meningkatkan kemahiran dan inovasi serta meluaskan peluang pekerjaan kepada graduan TVET. Muafakat ini juga penting bagi memastikan PSA dapat mencapai visinya sebagai peneraju TVET yang unggul.

Demi mencapai aspirasi murni tersebut, saya menyarankan agar para penggerak industri terus membantu Politeknik Malaysia, sama ada dalam aspek peralatan, latihan kepakaran mahupun pembangunan kurikulum.

Ketahuilah, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Sekian, terima kasih.”

(Petikan titah perasmian GIFT 2019 oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail pada 6 April 2019 di Kampus PSA.)



Iltizam

"Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadhrat Ilahi atas kejayaan warga PSA serta Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, dengan kerjasama Jabatan Penerangan Malaysia, para penggerak industri, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti Bandaraya Shah Alam, menganjurkan GIFT bersempena sambutan 50 tahun Politeknik Malaysia.

Memento ini merakamkan pelbagai aktiviti GIFT yang diadunkan dengan teliti bagi menerapkan nilai-nilai kasih sayang, kebahagiaan dan saling menghormati dalam sistem pendidikan Malaysia serta mengukuhkan jaringan kolaborasi institusi pendidikan dengan penggerak industri, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti setempat bagi memasyarakatkan TVET.

Pengalaman muafakat mengelolakan aktiviti serta memori peristiwa sempena GIFT juga menjadi perangsang kepada warga PSA untuk terus menggiatkan usaha demi merealisasikan aspirasi Politeknik Malaysia dan Kolej Komuniti Malaysia sebagai institusi TVET pilihan utama, kompetitif dan menepati kehendak pasaran.

Insya Allah, warga PSA akan terus mara sebagai satu pasukan merealisasikan visi 'PSA Peneraju Institusi TVET'."

DR. HAJI MOHD ZAHARI ISMAIL, Pengarah PSA



Visi PSA: Peneraju Institusi TVET

PSA, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, terkenal dalam fraterniti Politeknik Malaysia sebagai 'Politeknik Super Aktif'. Namun yang penting, semenjak ditubuhkan dua dekad yang lalu, PSA telah menjana 36,381 orang graduat yang berupaya menyumbang kepada kesejahteraan diri sendiri, Masyarakat dan Negara.

Semenjak ditarafkan sebagai Politeknik Premier pada 25 Februari 2010, PSA bertekad menjadi 'peneraju institusi TVET'.

Kini PSA menawarkan TVET peringkat sarjana muda, diploma, diploma eksekutif dan sijil dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan yang relevan dengan permintaan pasaran pekerjaan era Industri 4.0.

Program Sarjana Muda

Teknologi Pengurusan Fasiliti (Kepujian)
Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Perubatan) (Kepujian)

Program Diploma

Kejuruteraan Awam
Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan
Teknologi Berasaskan Kayu
Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)
Kejuruteraan Elektronik (Kawalan)
Kejuruteraan Elektronik (Perubatan)
Kejuruteraan Mekanikal
Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan)
Insurans
Pemasaran
Pengajian Perniagaan
Perniagaan Antarabangsa
Pengajian Perniagaan Dengan Pensijilan Tahfiz Al-Quran

Program Diploma Eksekutif

Teknologi Kejuruteraan Automasi

Program Sijil

Kemahiran (Kejuruteraan Mekanikal)

'Politeknik Super Aktif' ini terletak di pusat industri Bandaraya Shah Alam yang sememangnya aktif dalam sektor perindustrian, perdagangan dan pentadbiran sektor awam. Dalam bandaraya ini, pelajar PSA menikmati pelbagai peluang latihan industri dalam pelbagai bidang, para graduat PSA pula dikerumuni oleh pelbagai peluang pekerjaan.



GIFT: Menterjemahkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi)

Daripada cetusan idea kepada perencanaan dan pelaksanaannya, aktiviti GIFT menjurus ke arah merealisasikan empat keberhasilan yang tergarap dalam PPPM 2015-2025 (PT):

- Graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.
- Graduan yang memiliki kecemerlangan bakat.
- Graduan yang menghayati pembelajaran sepanjang hayat.
- Graduan TVET berkualiti.



Pelajar PSA berinteraksi dengan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Interaksi seumpama ini mempertajam kemahiran komunikasi serta memperteguh keyakinan diri para pelajar.



GIFT: Merealisasikan Pelan Strategik PSA 2016-2020


Muafakat staf dan siswa PSA dalam menjayakan GIFT digemblengkan ke arah hala tuju PSA sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Strategik PSA 2016-2010:

- Moto: Politeknik Pilihan Utama.
- Visi: Peneraju Institusi TVET.
- Misi: Melahirkan graduan holistik yang bercirikan keusahawanan dengan menyediakan akses kepada program TVET yang dinamik, berkualiti dan diiktiraf.



Pelajar menyantuni Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra. Interaksi seumpama ini berupaya menyuburkan nilai kasih sayang serta meningkatkan harga diri dalam kalangan pelajar.





GOLDEN RIDE

Tarikh: 6 April 2019
Masa: 0745-0915
Lokasi: Laluan PSA-Bandaraya Shah Alam-PSA

GOLDEN RIDE

Bermandikan sinar keemasan mentari pagi yang melimpahi kampus PSA serta ruang Bandaraya Shah Alam, Tuanku Syed Faizuddin Putra mengetuai kayuhan Golden Ride.

Mereka meluncur keluar dari pintu utama Kampus PSA menuju ke pusat Bandaraya Shah Alam, sambil mempamerkan semangat juang yang kental serta komitmen yang tinggi terhadap kecemerlangan TVET Politeknik Malaysia kepada penduduk Bandaraya Shah Alam.

Para sekutu strategik yang menyertai kayuhan Golden Ride turut mempamerkan kesungguhan mereka untuk terus menyumbang kepada PSA bagi memajukan TVET Politeknik Malaysia sehingga berupaya menjana graduat berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh negara.

Kesungguhan dan kegembiraan para pelajar PSA yang menyertai kayuhan Golden Ride memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa mereka merupakan kelompok anak-anak muda yang bertungkus-lumus mempersiapkan diri dengan ilmu serta kemahiran teknik dan vokasional terkini demi memacu pembangunan negara dalam segenap segi kehidupan.






Memohon restu ilahi sebelum memulakan kayuhan Golden Ride. Penerapan nilai-nilai murni sentiasa menjadi keutamaan Politeknik Malaysia dalam setiap inisiatif menjana modal insan negara yang bertaqwa dan berketerampilan.



Pasukan siswa PSA meluncur dari garis mula kayuhan Golden Ride sebaik dilepaskan dengan rasminya oleh Tuanku Syed Faizuddin Putra. Program TVET Politeknik Malaysia bertekad membentuk graduat TVET yang holistik - kesihatan jasmani, kecergasan akal dan kemantapan rohani.




Tuanku Syed Faizzudin Putra mengetuai pasukan sekutu strategik Politeknik Malaysia menuju ke pusat Bandaraya Shah Alam. Baginda mengajak para penggerak industri untuk terus menyumbang kepada Politeknik Malaysia bagi memastikan program TVET-nya dapat mencetak tenaga kerja profesional yang relevan dengan keperluan Industri 4.0.



Siswa PSA mempamerkan kegembiraan dan komitmen. Kegembiraan dan komitmen merupakan elemen yang penting dalam kurikulum TVET Politeknik Malaysia Bagi Meningkatkan kecermerlangan siswa dalam segenap aktiviti pembelajaran yang mereka jalani.



Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil turut memberikan dorongan kepada pasukan kayuhan Golden Ride. Dorongan dan galakan berterusan daripada pelbagai pihak menjadi perangsang kepada warga PSA serta tenaga kerja Politeknik Malaysia untuk terus berikhtiar mengangkat kecemerlangan Program TVET.



TREASURE HUNT

Tarikh: 6 April 2019
Masa: 0700-0930
Lokasi: Kampus PSA

TREASURE HUNT ALUMNI PSA

Alumni PSA kembali ke alma mater. Kali ini bukan memburu pengetahuan atau kemahiran, tetapi menyertai larian dalam kampus PSA sambil mencarimemburu harta karun. Harta karun pula bukan timbunan syiling emas, tetapi teka-teki yang menguji ketajaman akal yang sememangnya merupakan trade mark alumni PSA.

Sambil menghirup udara segar kampus PSA serta menghimbau kenangan manis sebagai siswa, para alumnus yang menyertai Treasure Hunt berpeluang menyaksikan sendiri transformasi alma mater mereka agar kekal relevan dalam era Industri 4.0.

Kehadiran alumni turut menguja siswa PSA yang sedang berjuang mengembangkan bakat, menguasai pelbagai disiplin ilmu dan memperlengkap diri dengan seribu satu kemahiran yang diperlukan oleh negara yang sedang melangkah deras menjadi sebuah negara maju.

Pada penghujung pemburuan, kumpulan peserta Treasure Hunt yang berjaya menerima hadiah daripada Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.





Pasukan Alumni PSA mengorak langkah girang dalam acara Treasure Hunt Alumni PSA. Libat sama alumni merupakan salah satu inisiatif Politeknik Malaysia bagi mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan dan kerelevanan kurikulum TVET yang dilaksanakannya. Alumni juga dapat menyumbangkan buah fikiran dalam perencanaan strategik pembangunan Politeknik Malaysia.




Kegirangan Alumni PSA dalam acara Tresure Hunt Alumni PSA memancarkan keyakinan kepada siswa PSA untuk terus menjalani program TVET Politeknik Malaysia demi mengembangkan bakat dan mencipta kejayaan kerjaya. Warga PSA turut berasa bangga akan kejayaan anak-anak muda asuhan mereka serta berazam untuk menggandakan usaha demi melonjakkan pencapaian siswa PSA



Alumni PSA teruja dengan dorongan berterusan Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akasha Khalil. Mereka bersatu hati dan membulatkan tekad untuk terus menyumbang segala daya upaya demi mengekalkan keunggulan alma sebagai 'Politeknik Super Aktif'.



Pasukan siswa PSA meluncur dari garis mula kayuhan Golden Ride sebaik dilepaskan dengan rasminya oleh Tuanku Syed Faizuddin Putra. Program TVET Politeknik Malaysia bertekad membentuk graduat TVET yang holistik - kesihatan jasmani, kecerdasan akan dan kemantapan rohani.



COLOUR RUN

Tarikh: 6 April 2019
Masa: 0800-0900
Lokasi: Kawasan Glenmarie

COLOUR RUN

Bermandikan sinar keemasan mentari pagi yang melimpahi kampus PSA serta ruang Bandaraya Shah Alam, Tuanku Syed Faizuddin Putra mengetuai kayuhan Golden Ride.

Mereka meluncur keluar dari pintu utama Kampus PSA menuju ke pusat Bandaraya Shah Alam, sambil mempamerkan semangat juang yang kental serta komitmen yang tinggi terhadap kecemerlangan TVET Politeknik Malaysia kepada penduduk Bandaraya Shah Alam.

Para sekutu strategik yang menyertai kayuhan Golden Ride turut mempamerkan kesungguhan mereka untuk terus menyumbang kepada Politeknik Malaysia bagi memajukan TVET Politeknik Malaysia sehingga berupaya menjana graduat berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh negara.

Kesungguhan dan kegembiraan para pelajar PSA yang menyertai kayuhan Golden Ride memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa mereka merupakan kelompok anak-anak muda yang bertungkus-lumus mempersiapkan diri dengan ilmu serta kemahiran teknik dan vokasional terkini demi memacu pembangunan negara dalam segenap segi kehidupan.










Pasukan Golden Ride pimpinan Tuanku Syed Faizuddin Putra bertemu semula dengan pasukan Colour Run pimpinan Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil di sudut kreatif mencanting batik di hadapan pintu masuk PSA. Selanjutnya baginda berdua mempamerkan bakat mengadunkan warna-warni kebahagiaan, keriangian dan kemesraan untuk diteladani oleh siswa PSA.



BIMB ATM SPOT

Tarikh: 6 April 2019
Masa: 0930-0945
Lokasi: Dataran Parkir Bangunan Pentadbiran PSA

BUAH MUAFAKAT PSA-BIMB: BIMB ATM SPOT

Muafakat, berkat. Keberkatan akhirnya melimpah ke dalam kampus PSA apabila muafakat PSA-Bank Islam Malaysia Berhad membuahkan spot mesin teler automatik BIMB di balai pengawal di pintu masuk kampus PSA.

BIMB ATM SPOT bukan sahaja memberikan kemudahan dan keselamatan transaksi perbankan 24 jam kepada warga PSA, malah dapat dimanfaatkan oleh warga komuniti sekitar kampus PSA.

BIMB ATM SPOT merupakan petunjuk awal terhadap keberhasilan muafakat PSA dengan organisasi industri dan institusi perdagangan demi melonjakkan PSA sebagai peneraju institusi TVET serta meningkatkan daya saing graduat TVET Politeknik Malaysia.

Menzahirkan rasa girang akan buah muafakat PSA-BIMB, Tuanku Syed Faizuddin Putra berkenan merasmikan pembukaan operasi perkhidmatan BIMB ATM SPOT serta mengukir tanda tangan baginda pada plak perasmian. Kegirangan dan perkenan baginda turut dikongsikan oleh Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.







Tuanku Syed Faizuddin Putra menurunkan tanda tangan di atas plak sebagai tanda bermulanya perkhidmatan mesin teler automatik Bank Islam Malaysia Berhad untuk warga PSA serta komuniti kampus PSA. BIMB ATM SPOT ini merupakan satu lagi inisiatif muafakat PSA dengan institusi kewangan demi kemudahan dan keselamatan warga PSA, khususnya para siswa, melakukan transaksi kewangan.







POLITEKNIK MALAYSIA
1969 - 2019



LAMAN BESTARI

Tarikh: 6 April 2019
Masa: 1030-1100
Lokasi: Pekarangan Bendera Bangunan
Pentadbiran PSA

LAMAN BESTARI

Mentari pagi menyaksikan perkenan Tuanku Syed Faizuddin Putra mencemar duli menurunkan tanda tangan baginda di atas plak yang merakamkan pemasyhuran pekarangan bendera Bangunan Pentadbiran PSA sebagai Laman Bestari.

Laman Bestari, tanpa suara, hanya berbekalkan aroma serta lambaian warna-warni flora yang mengerumuninya, menzahirkan denyut rasa segenap warga PSA sepanjang zaman: 'We Love PSA'. Denyut rasa cinta kasih sayang itu dijelmakan dalam tekad mereka sebagaimana yang tayangkan dengan lantang dan beraninya pada latar belakang Laman Bestari: 'Passionate. Synergise. Agile.' Tekad segenap warga PSA menjuarai segenap persaingan menerusi keghairahan ikhtiar, kesepakatan gerak kerja dan ketangkasan bertindak.

Baginda turut berkenan merasmikan sudut tambahan Laman Bestari yang menyediakan perkhidmatan juruwang elektronik kepada warga PSA: mesin teler automatik Bank Islam.














PERASMIAN GIFT

Tarikh: 6 April 2019
Masa: 1000-1100
Lokasi: Dataran Parkir Bangunan
Pentadbiran PSA

KEMUNCIAK GIFT: PERASMIAN DAN RESTU DIRAJA

Pendakian tetamu dan peserta GIFT sampai ke puncaknya apabila Tuanku Syed Faizuddin Putra berkenan mencemar duli menzahirkan titah perasmian serta restu baginda.

Baginda merakamkan rasa bangga akan kebulatan muafakat segenap warga PSA, penggerak industri, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan serta komuniti Bandaraya Shah Alam menjayakan GIFT.

Baginda menzahirkan keyakinan bahawa natijah daripada kebulatan muafakat tersebut ialah TVET dapat dimasyarakatkan supaya menjadi pilihan anak-anak muda melanjutkan pengajian.

Baginda mahukan usaha memasyarakatkan TVET dipergiatkan selari dengan ikhtiar untuk mencetak graduat TVET yang holistik, berdaya saing serta berdaya keusahawanan.

Sempena majlis perasmian GIFT, Tuanku Syed Faizuddin Putra serta Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan menyampaikan hadiah-hadiah kepada juara PITEX, juara Treasure Hunt Alumni PSA dan pemenang-pemenang cabutan bertuah perdana.


















EXPOSITION

Tarikh: 6 April 2019
Masa: 0700-1300
Lokasi: Dataran Parkir Bangunan
Pentadbiran PSA



INVENSI PERKHIDMATAN, PROMOSI TVET DAN MY BEST BUY

Bermula dengan kicauan murai pagi sehingga mentari tegak di puncak langit kampus PSA, eksposisi pelbagai invensi oleh pelbagai agensi serta siswa PSA berlangsung di dataran parkir Bangunan Pentadbiran PSA. Antara agensi yang mempamerkan invensi perkhidmatan mereka ialah Next Level Technologies, Centre for Medical Electronic Technology, Karang kraf, Lembaga Tabung Haji, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal, Recycle Green Technology Majlis Bandaraya Shah Alam, Tenaga Nasional Berhad, Persatuan Mata Hati Malaysia, CIMB Bank dan Bank Islam.

Baginda Tuanku Syed Faizuddin Putra dan Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang menyerikan acara eksposisi merakamkan kebanggaan baginda berdua akan keupayaan Siswa PSA mempraktikkan kemahiran komunikasi dan kreativiti mereka menerusi promosi TVET di Politeknik Malaysia dan Kolej Komuniti Malaysia. Siswa PSA turut mempromosikan program Bachelar Teknologi Pengurusan Fasiliti, Bachelar Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Perubatan) dan Pengajian Perniagaan Dengan Pensijilan Tahfiz Al-Quran di PSA.

Turut mengambil bahagian ialah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor yang menyampaikan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan secara percuma.

Berlangsung serentak dengan eksposisi invensi dan perkhidmatan tersebut ialah acara My Best Buy yang melibatkan Petronas Dagangan Berhad, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan siswa PSA.



















POLITEKNIK MALAYSIA
1969 - 2019



PITEX

Tarikh: 6 April 2019
Masa: 0700-1230
Lokasi: Dewan Al-Jazari, PSA

PSA INVENTION & INNOVATION TECHNOLOGY EXPOSITION

Dewan Al-Jazari PSA menyaksikan daya karya janaan siswa PSA yang dipertontonkan dalam acara PITEX.

Dewan Al-Ajazari turut menyaksikan kekaguman Tuanku Syed Faizuddin Putra Sirajuddin Jamalullail dan Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil serta para tetamu GIFT akan bakat serta kemampuan kreativiti siswa PSA yang dijelmakan dalam bentuk hasil kerja projek akhir mereka dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan.

Para penggerak industri yang turut menyertai GIFT serta menyaksikan sendiri serlahan kreativiti dan inovasi siswa kejuruteraan dan perdagangan PSA tersebut melahirkan keyakinan mereka bahawa TVET Politeknik Malaysia berupaya mentransformasikan anak-anak muda negara sebagai tenaga kerja berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh Industri 4.0.







PENGHARGAAN

Warga PSA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan GIFT serta menyumbang kepada usaha penerbitan buku ini.

Terima kasih khusus kepada

Istana Arau

Yang Berbahagia Dato' Kamel Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia

Yang Berbahagia TS Dr. Mohammad Naim Yaakub, Ketua Pengarah JPPKK

Yang Berusaha Encik Mohamed Iran Moriti Mohd Shariff, Ketua Pegawai Operasi BIMP

Jabatan Penerangan Malaysia

Polis Diraja Malaysia

Unit Protokol Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Majlis Bandaraya Shah Alam

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

Dewan Bahasa dan Pustaka

Centre for Medical Electronic Technology

Karangkraf

Lembaga Tabung Haji

CIMB Bank

Bank Islam Malaysia Berhad

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Malaysia

Tenaga Nasional Berhad

Petronas Dagangan Berhad

Next Level Technologies Sendirian Berhad

Persatuan Mata Hati Malaysia

PUSPANITA PSA

Alumni PSA